



SAMIRAH (tengah) dibawa keluar dari Mahkamah Tinggi Shah Alam, semalam.

'Berita ditunggu selama 4 tahun'

Kuala Lumpur: "Alhamdulillah, inilah berita yang kita tunggu-tunggu selama empat tahun. Ia berita yang amat mengembirakan," kata Dr Chandra Muzaffar (*gambar*), bapa kepada Samirah Muzaffar yang dilepas serta dibebaskan daripada pertuduhan membunuh suaminya empat tahun lalu oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam, semalam.



Menurutnya, keputusan mahkamah itu jelas menunjukkan anak dan cucunya tidak terbabit dengan tuduhan membunuh bekas menantunya yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Cradle Fund, Allahyarham Nazrin Hassan.

"Inilah satu bukti yang jelas tentang kemenangan, kebenaran kerana kita tahu inilah kebenarannya dan kita tidak meragui

empat tahun, mereka terpaksa menanggung beban dan penderitaan.

Katanya, selama empat tahun juga Samirah tidak bekerja manakala dua cucunya pula dibebani dengan tuduhan membunuh pada usia yang masih terlalu muda.

"Alhamdulillah selepas empat tahun, keputusan

Gagal bukti kes prima facie

Shah Alam

Mahkamah Tinggi di sini, melepaskan dan membebaskan Samirah Muzaffar dan dua remaja lelaki atas pertuduhan membunuh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Cradle Fund Nazrin Hassan, empat tahun lalu.

Hakim Datuk Ab Karim Ab Rahman membuat keputusan itu semalam selepas mahkamah mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap Samirah, 47, yang juga balu Nazrin dan remaja berusia 16 serta 19 tahun berkenaan.

Dalam penghakimannya, Ab Karim berkata, pihak pendakwaan hanya membuat andaian berhubung ketiga-tiga tertuduh berada dengan mangsa ketika kejadian sebagaimana dinyatakan dalam pertuduhan.

Menurutnya, mahkamah mendapati tiada keadaan menunjukkan ketiga-tiga tertuduh melakukan pembunuhan itu.

"Tiada keadaan di mana ketiga-tiga tertuduh melakukan pembunuhan.

"Ada saksi juga kata mangsa meninggal dunia sebelum kebakaran. Keterangan saksi tiada tanda mangsa cuba menyelamatkan diri daripada kebakaran tetapi kedudukan puncanya menunjukkan kebakaran adalah disengajakan," katanya.



Mahkamah mendapati pendakwa gagal membuktikan teori orang terakhir (tiga tertuduh bersama si mati (Nazrin),"

Ab Karim

Menyentuh isu petrol di lokasi kejadian, saksi pendakwa menyatakan terdapat tong berisi cecair.

Bagaimanapun, mahkamah mendapati tidak menunjukkan kaitan tong itu dengan ketiga-tiga tertuduh, malah ahli kimia tidak pernah dipanggil untuk memberi keterangan.

Ab Karim berkata, masa kematian Nazrin seperti didakwa pihak pendakwa bertentangan dengan keterangan saksinya sendiri.

"Keterangan saksi itu juga tidak tegas dan tidak meyakinkan mahkamah. Oleh itu, pendakwa gagal menunjukkan kematian mangsa antara jam 11.30 malam pada 13 Jun 2018 hingga 4 pagi, 14 Jun 2018.

"Oleh itu, mahkamah mendapati bahawa pendakwa gagal membuktikan teori orang terakhir (tiga tertuduh bersama si mati (Nazrin)," katanya.

Hakim juga berkata, di dalam kes ini juga, pihak pendakwa ada menggariskan beberapa kelakuan-kelakuan yang menjadi sebahagian daripada keterangan.

"Perlakuan tidak hubungi pihak bomba, tiada reaksi sedih, tidak meraung dalam van jenazah...semuanya lebih kepada persepsi pihak pendakwa dan ia tidak berkaitan, malah ada sesetengah kelakuan itu tidak dapat dijelaskan melalui saksi-saksi pendakwa.

"Begitu juga dengan tingkah laku kanak-kanak satu yang tidak keluar rumah dan mesej WhatsApp *what's the plan* tidak boleh diterima. Kelakuan kanak-kanak kedua pula, mengenai telefon meletup adalah tidak jelas," katanya.

Sehubungan itu, Ab Karim berkata, pihak pendakwa gagal membuktikan prima facie maka mahkamah melepas serta mem-

bebaskan Samirah serta dua remaja itu daripada pertuduhan," katanya.

Pasukan pendakwaan dianggotai Timbalan Pendakwa Raya Mohd Asnawi Abu Hanipah, Tengku Intan Suraya Tengku Ismail dan Nur Sabrina Zubairi, manakala pasukan pembelaan terdiri daripada Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah serta Rahmat Hazlan.

Pada 14 Februari lalu, pihak pendakwa menutup kesnya selepas memanggil 57 saksi termasuk abang dan kakak Nazrin iaitu Dr Abdul Aziz, Dr Malek Reedzwan serta Che Elainee, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Kuala Lumpur, Pegawai Forensik Patologi Hospital Kuala Lumpur (HKL) Dr Siew Sheue Feng serta pengawal keselamatan kediaman Nazrin, Raju Kumar Pandit.

Perbicaraan bermula 6 September 2019, Samirah dan dua remaja terbabit serta seorang warga Indonesia yang masih bebas, Eka Wahyu Lestari didakwa membunuh Nazrin di sebuah rumah di Mutiara Damansara.

langsung tentang apa yang sebenarnya berlaku kerana kita kenal baik arwah Nazrin.

"Kita tahu bahawa hubungannya dengan anak saya (Samirah) dan anak-anak yang lain begitu mesra, begitu rapat dan akrab. Bila tuduhan itu dibuat, kami semua terkejut dengan tuduhan yang dibuat beberapa minggu selepas arwah dikebumikan.

"Kita semua maklum peristiwa ini berlaku pada Jun 2018 tetapi tuduhan seperti bunuh ini timbul sekitar Oktober (2018). Cerita ini tiba-tiba timbul, walhal tiada bukti langsung seperti mana dibuktikan dalam mahkamah, tiada bukti langsung," katanya.

Beliau berkata, tuduhan berkenaan menimbulkan kesengsaraan yang besar kepada mereka sekeluarga serta sahabat dan selama

mahkamah hari ini membuktikan mereka tidak terbabit dengan tuduhan itu.

"Samirah mungkin dapat bekerja semula, begitu juga cucu-cucu saya, seorang kini di peringkat pra universiti dan seorang lagi bersekolah.

"Sekarang mereka dapat menumpukan perhatian sepenuhnya dalam pelajaran kerana mereka pelajar yang bagus tanpa dibebani lagi dengan tuduhan yang amat berat itu.

"Saya harap selepas ini Samirah dan dua cucu dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik, lebih tenang dan dapat menyumbang bakti kepada masyarakat, insya-Allah," katanya.

Terdahulu, Mahkamah Tinggi Shah Alam memrintahkan Samirah, 47, bersama dua anaknya dilepas serta dibebaskan.

Kecoh peguam halang ambil gambar

Shah Alam: Berlaku kekecohan seketika di Mahkamah Tinggi di sini, semalam selepas petugas media dihalang merakam gambar seorang peguam yang dipercayai mewakili Samirah Muzaffar yang hadir bagi mendengar keputusan atas pertuduhan membunuh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Cradle Fund Nazrin Hassan pada 2018.

Peguam itu dikatakan

menjerit dan meminta supaya diberi laluan selain cuba menolak juru-gambar yang melakukan tugas di lokasi.

Kejadian itu berlaku ketika Samirah bersama beberapa peguam lain tiba untuk menaiki lif ke mahkamah pagi semalam.

Dalam keputusan mahkamah semalam, Samirah dan dua remaja lelaki dilepaskan dan dibebaskan atas pertuduhan membunuh Nazrin.